

**PHYTO SCIENCE SDN BHD (201201029243) (AJL932039)**  
**PERLINDUNGAN DATA DAN NOTIS PRIVASI**

Kepada Rakan Niaga / Ahli PSSB

PHYTO SCIENCE SDN BHD (kemudian dikenali sebagai “PSSB”, “SYARIKAT” atau “KAMI”) menghormati privasi informasi dan data peribadi yang diberikan oleh anda kepada SYARIKAT.

Notis Privasi dan Perlindungan ini menggariskan bagaimana SYARIKAT mengumpul, menggunakan, mengendalikan dan melindungi informasi dan data peribadi yang pernah dan akan diberikan kepada SYARIKAT dan mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Walau bagaimanapun, SYARIKAT boleh meminda Notis Privasi dan Perlindungan Data ini tanpa memberikan sebarang notis bertulis terlebih dahulu tetapi kemudiannya, pindaan-pindaan sedemikian akan dimaklumkan melalui laman web SYARIKAT.

**A. DESKRIPSI DATA PERIBADI;** Jenis-jenis data peribadi:

- Nama, bangsa, tarikh lahir, jantina, kewarganegaraan, nombor kad pengenalan, nombor passport, sejarah kerja (termasuk dahulu dan kini), latar belakang pendidikan, perkerjaan;
- Butir-butir hubungan termasuk nombor telefon rumah, nombor telefon mudah alih, nombor telefon tempat kerja, alamat emel, alamat rumah dan alamat surat-menyurat, nombor faks, butir-butir hubungan kecemasan;
- Sebarang data peribadi yang diperolehi dari mana-mana perjanjian atau kontrak yang ditandatangani antara SYARIKAT dengan anda;
- Butir-butir kad kredit, nombor bank akaun; dan
- Apa-apa data peribadi dan informasi yang diberikan oleh anda, dikumpulkan dan diberikan kepada SYARIKAT untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di Bahagian C dibawah.

**B. SUMBER DATA PERIBADI;** Kami mengumpul data peribadi dari sumber-sumber berikut (tidak terhad):

- Dari perjanjian-perjanjian yang ditandatangani dan dilaksanakan antara SYARIKAT dengan anda;
- Dari apa-apa borang yang dikemukakan oleh anda melalui laman web SYARIKAT;
- Dari apa-apa borang (sama ada elektronik atau cetakan) yang dikemukakan oleh anda semasa manamana acara promosi atau pemasaran produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan SYARIKAT;
- Dari pendaftaran anda di laman web SYARIKAT;
- Dari apa-apa emel atau surat-menyurat yang dihantar kepada SYARIKAT yang mana termasuk data peribadi kamu;

- Dari sebarang dokumen-dokumen yang dikemukakan kepada SYARIKAT untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di Bahagian C di bawah; dan
- Dari pihak ketiga termasuk wakil sah anda, agen-agen SYARIKAT atau majikan lama.

**C. TUJUAN PENGUMPULAN DATA PERIBADI;** SYARIKAT akan memproses data peribadi yang dikumpulkan dan digunakan oleh SYARIKAT untuk, antara lainnya, tujuan-tujuan berikut:

- mempertimbangkan permohonan dan memproses permohonan sebagai RAKAN NIAGA / AHLI PSSB, Francaisi, Rakan perniagaan; dan/atau
- memenuhi obligasi kontrak terhadap anda; dan/atau
- penyimpanan dan pengemaskinian rekod; dan/atau
- melaksanakan pemeriksaan kredit/kelayakan kredit; dan/atau
- penghantaran maklumat tetap, notis, perkhidmatan, produk, pemasaran dan promosi perkhidmatan atau produk berkenaan, sama ada semasa atau masa hadapan; dan/atau
- bagi penyelenggaraan pengkalan data dan proses-proses berkaitan perkhidmatan pelanggan; dan/atau
- untuk tujuan bil dan kewangan, perakaunan dan cukai; dan/atau
- untuk mematuhi keperluan undang-undang dan statutori; dan/atau
- memberikan anda perkhidmatan-perkhidmatan, produk-produk atau manfaat-manfaat yang ditawarkan oleh SYARIKAT atau mana-mana pihak ketiga yang dipilih yang mana kami berpendapat bahawa ia berkemungkinan memberi manfaat kepada anda.

Data peribadi yang dikumpulkan akan dikekalkan oleh SYARIKAT untuk tempoh yang dibenarkan/dikehendaki dibawah undang-undang Malaysia yang berkemungkinan dilanjutkan kepada jangkamasa selepas penamatan perhubungan kontrak anda dengan SYARIKAT.

**D.PENDEDAHAN;** Senarai orang/organisasi yang mana data boleh didedahkan:

- Agen-agen dan pembekal perkhidmatan SYARIKAT (termasuk mereka yang berada di luar negara) yang memberi perkhidmatan berkenaan dengan tujuan data peribadi dikumpulkan; dan/atau
- Pihak ketiga (termasuk mereka yang berada di luar negara) termasuk tetapi tidak terhad kepada kontraktor-kontraktor, pembekal-pembekal, rakan-rakan, rakan-rakan usaha sama, agen-agen bebas, pembeli-pembeli, institusi-institusi kewangan yang relevan dan syarikat-syarikat utiliti ; dan/atau
- Sesiapa yang berada dibawah kewajipan kerahsiaan yang telah mengakujaji untuk menyimpan kerahsiaan data-data tersebut; dan/atau

- Syarikat berkaitan dan sekutu SYARIKAT; dan/atau
- Rakan-rakan perniagaan SYARIKAT dan sekutu-sekutu yang memberikan perkhidmatan-perkhidmatan atau produk-produk yang berkenaan dan berkaitan dengan perniagaan SYARIKAT; dan/atau
- Pihak ketiga yang dilantik oleh SYARIKAT untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan bagi pihak SYARIKAT seperti juruaudit-juruaudit, peguam-peguam, penasihat-penasihat, setiausaha syarikat dan syarikat-syarikat insurans; dan/atau
- Pihak berkuasa kerajaan yang berkenaan, pihak berkuasa statutori, pihak berkuasa tempatan dan pengawal selia industri; dan/atau
- diperlukan dibawah undang-undang atau dalam niat baik, sekiranya tindakan sedemikian adalah perlu untuk (i) mematuhi keperluan mana-mana agensi penguatkuasaan undang-undang, perintah mahkamah atau proses perundangan; atau (ii) melindungi dan mempertahankan hak-hak SYARIKAT atau kakitangannya.

**E. AKIBAT KEGAGALAN MEMBERI DATA PERIBADI;** Sekiranya anda gagal memberikan data peribadi kepada SYARIKAT, atau data peribadi yang diberikan kepada SYARIKAT tidak mencukupi atau tidak memuaskan SYARIKAT, permohonan atau permintaan anda untuk mana-mana tujuan yang dinyatakan di Bahagian C diatas mungkin tidak diterima atau bertindak keatasnya atau permohonan anda untuk melayari informasi di laman web SYARIKAT mungkin ditolak atau SYARIKAT tidak dapat memberikan semua manfaat perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau produk-produk SYARIKAT kepada anda dan/atau melaksanakan obligasi-obligasi SYARIKAT dibawah kontrak-kontrak yang wujud atau kontrak-kontrak di masa hadapan dan/atau perjanjian-perjanjian dengan kamu.

**F. SEKURITI DAN PERLINDUNGAN DATA;** SYARIKAT memberi jaminan kepada kamu bahawa data peribadi kamu akan dianggap sebagai rahsia dan SYARIKAT akan mengimplementasikan langkah-langkah atau prosedur-prosedur yang sewajarnya menurut undang,undang, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bagi menjamin dan melindungi data peribadi dan mencegah penggunaan yang tidak dibenarkan dan menyalahi undang-undang, kehilangan, akses sengaja atau pendedahan, pemindaan atau kemusnahan data peribadi kamu.

Akan tetapi, sebarang persoalan, komen, cadangan atau informasi melainkan data peribadi yang diberikan kepada SYARIKAT dengan apa cara jua pun (termasuk yang dihantar atau dipos di laman web SYARIKAT) akan dianggap diberi kepada kami secara sukarela atas dasar tidak sulit dan tidak dimiliki.

**G. PENGEKALAN DATA;** Data peribadi yang dikumpulkan akan disimpan selagi diperlukan untuk memenuhi tujuan yang dinyatakan di Bahagian C diatas yang mana selepas itu SYARIKAT akan mengambil langkahlangkah yang sewajarnya untuk memastikan semua data peribadi dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal sekiranya ia tidak lagi diperlukan melainkan pengekalannya diperlukan untuk memenuhi keperluan undang-undang, peraturan atau perakaunan atau untuk melindungi kepentingan SYARIKAT.

**H. PEMINDAHAN DATA;** Dalam urusan perniagaan SYARIKAT, SYARIKAT mungkin perlu memindahkan data peribadi kamu ke luar dari Malaysia tetapi data peribadi tersebut hanya digunakan untuk tujuan

yang dinyatakan di Bahagian C diatas dan didedahkan kepada pihak-pihak yang dinyatakan di Bahagian D diatas.

**I. HAK UNTUK MENGAKSES DATA PERIBADI;** Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, anda mempunyai hak untuk mengakses data peribadi anda yang dipegang oleh SYARIKAT dan anda boleh memohon untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak dikemaskinikan.

Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan berkenaan dengan Notis Privasi dan Perlindungan Data atau sekiranya anda ingin memohon akses kepada Data Peribadi SYARIKAT atau sekiranya anda ingin membetulkan data peribadi anda atau sekiranya anda ingin memohon supaya data peribadi anda dikekalkan oleh SYARIKAT hanya bagi tempoh yang diperlukan untuk memenuhi tujuan-tujuan yang mana ia dikumpulkan atau sekiranya anda ingin berkomunikasi dengan SYARIKAT berkenaan dengan bantahan anda bagi penggunaan data peribadi anda untuk tujuan pemasaran yang mana SYARIKAT tidak akan menggunakan data peribadi anda untuk tujuan tersebut atau sekiranya anda ingin menarik balik, sepenuh atau sebahagian, kebenaran anda kepada SYARIKAT untuk memproses data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan di Bahagian C di atas atau untuk memindah data peribadi anda kepada pihak-pihak yang dinyatakan di Bahagian D di atas, anda boleh menghubungi syarikat melalui email di alamat email [info@iphyto.com](mailto:info@iphyto.com).

Walau apa pun penarikan balik kebenaran anda, SYARIKAT boleh menyimpan data peribadi anda dan memproses data peribadi anda dalam keadaan yang mana diiktiraf dan dibenarkan oleh undang-undang dan/atau diperlukan di bawah syarat-syarat kontrak.

SYARIKAT mempunyai hak untuk mengenakan bayaran yang sewajarnya bagi tujuan memproses apa-apa permohonan mengakses data.